

22/04/2001

Ramai tokoh menang tanpa tanding

KUALA LUMPUR: Mesyuarat perwakilan bahagian Umno semalam menyaksikan ramai ketuanya mengekalkan jawatan, manakala sesetengahnya menarik diri untuk memberi laluan kepada muka baru.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menang tanpa bertanding jawatan Ketua Umno Kubang Pasu manakala bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff mempertahankan jawatan Timbalan Ketua mengalahkan bekas Naib Ketua Bahagian, Datuk Saad Man. Osman mendapat 199 undi dan menang dengan kelebihan 21 undi.

Di ALOR STAR: Bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar tewas kepada bekas Timbalan Ketua Umno Bahagian Padang Terap, Datuk Ghazali Ibrahim dalam pemilihan ketua Umno bahagian, semalam.

Dr Affifuddin memperoleh 165 undi, tewas kepada Ghazali yang juga bekas Exco yang mendapat 174 undi.

Bagi jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian, bekas Ketua Pemuda Umno bahagian, Abdul Lateh Mohd Saman menewaskan dua calon, Datuk Syed Sobri Syed Hashim Shahabuddin dan Zakaria Din, yang masing-masing memperoleh 115 dan 87 undi.

Jawatan Naib Ketua Bahagian dimenangi Ahmad Kamil Abdul Munin yang memperoleh 152 undi manakala Zulkifli Hashim (103) dan Che Mat Man (92).

Di PENDANG: Ketua Bahagian, Datuk Othman Abdul turut berjaya mempertahankan jawatannya meskipun dengan undi majoriti yang tipis dengan menewaskan bekas Timbalan Ketua Bahagian, Md Rozai Shafian. Othman mendapat 228 undi manakala Md Rozai mendapat 218 undi.

Muka baru, Shamsuddin Tahir dipilih sebagai Timbalan Ketua Umno bahagian apabila mendapat 233 undi manakala pencabarnya, Adzmi Din mendapat 212 undi.

Di SIK: Pertandingan dua penjurur bagi jawatan Timbalan Ketua Bahagian menyaksikan Mohd Salleh Ismail yang mendapat 234 undi menewaskan Md Yusuf Lembut yang mendapat 77 undi.

Di JERTIH: Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh, menang tanpa bertanding untuk jawatan Ketua Umno Bahagian Besut, apabila penyandangannya, Datuk Dr Yusuf Nor, melepaskan jawatan itu.

Sebaliknya, Dr Yusof, yang menyandang jawatan itu sejak dua penggal lalu mengambil tempat Idris, selaku Naib Ketua Bahagian. Jawatan Timbalan Ketua Bahagian disandang Datuk Wan Zakaria Abdul Rahman, juga menang tanpa bertanding.

Pergerakan Pemuda Umno bahagian itu turut berkompromi apabila penyandangannya, Nawi Mohamad, melepaskan jawatan itu kepada naib ketua, Mohd Fahmi Yusof.

Satu lagi jawatan penting yang dimenangi tanpa bertanding ialah Ketua Pergerakan Wanita Umno bahagian yang dimenangi Wan Ramlah Ahmad yang juga naib ketua Pergerakan Wanita Umno Terengganu.

Di KEMAMAN: Bekas naib ketua Pemuda Umno bahagian Kemaman, Wan Mohd Nizam Wan Abdul Hamid menang jawatan ketua Pemuda bahagian itu.

Wan Mohd Nizam mendapat 112 undi menewaskan Shukri Ghani yang hanya memperolehi 72 undi.

Ketua Pemuda bahagian itu sebelum ini, bekas ahli Parlimen Kemaman, Dr Ramli Taib tidak mempertahankan jawatan kerana melebihi had umur.

Sementara itu, Kamaruddin Ali mengisi jawatan naib ketua selepas memperolehi 88 undi untuk menewaskan Wan Nordin Wan Omar dengan kelebihan enam undi.

Di KANGAR: Datuk Radzi Sheikh Ahmad, 61, dipilih sebagai Ketua Umno bahagian Kangar yang baru selepas menewaskan bekas Ketua Pemuda bahagian dan negeri, Ahmad Bakri Ali dengan majoriti 144 undi, semalam.

Radzi, bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri dan timbalan ketua bahagian memperolehi 251 undi manakala Ahmad Bakri, 107 undi pada mesyuarat pemilihan bahagian itu di Dewan Warisan, di sini.

Penyandang ketua bahagian, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, tidak bertanding bagi memberi laluan kepada muka baru.

Jawatan timbalan ketua pula dimenangi Pegawai Khas Menteri Besar, Azam Rashid menewaskan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bintong, Mohd Isa Sabu dan Adun Kuala Perlis, Bakar Saad.

Azam, bekas guru memperolehi 144 undi manakala Mohd Isa (140 undi) dan Bakar (74 undi).

Ahli jawatankuasa, Azmi Suboh, memenangi jawatan naib ketua bahagian, selepas menewaskan Adun Kayang dan penyandang jawatan itu, Mohammad Hadzi Nordin dan Hashim Suboh dengan majoriti enam undi.

Azmi memperolehi 130 undi manakala Mohammad Hadzi (124 undi) dan Hashim (adik Azmi) mendapat 101 undi.

Proses pengiraan undi bagi jawatan ketua, timbalan dan naib dilakukan secara terbuka di hadapan semua perwakilan dan pemerhati berikutan desakan daripada sebahagian ahli.

Di KLANG: Exco kerajaan negeri Selangor, Datuk Paduka Norkhaila Jamaluddin mengekalkan kerusi Ketua Wanita Umno bahagian Petaling Jaya Selatan pada persidangan perwakilan Umno bahagian itu, malam semalam.

Norkhaila, anggota dewan undangan negeri kawasan Taman Medan memenangi jawatan itu tanpa bertanding.

Kapten (B) Datuk Zahar Hashim pula terus menerajui Umno bahagian itu dengan mengekalkan kerusi ketua bahagian bagi penggal kelima berturut-turut. Beliau memenangi jawatan itu juga tanpa bertanding.

Bagaimanapun, jawatan timbalan ketua bahagian yang dikosongkan Mohamad Ezam Mohd Nor yang keluar daripada Umno dan kini menyertai Keadilan, menyaksikan pertandingan dua penjuru.

Dalam pertandingan itu, Wahab Ibrahim, bekas bendahari bahagian memenangi kerusi itu dengan menewaskan Mat Ali Omar, bekas ketua Pemuda bahagian dengan 162 undi berbalas 122. Empat undi rosak.

Jawatan naib ketua bahagian pula memperlihatkan perebutan satu lawan satu.

Suparyatnoh Samuti, bekas AJK bahagian, memenangi kerusi ketiga tertinggi bahagian itu apabila menerima 156 undi menewaskan Mat Shah Abu Anas, bekas naib ketua Pemuda bahagian yang mendapat 126 undi.

Di KOTA TINGGI: Bekas Ketua Umno Bahagian Tenggara, Asmaon Ismail yang layak bertanding merebut jawatan Timbalan Ketua Umno Bahagian Tenggara esok, menarik diri daripada bertanding jawatan itu.

Surat penarikan diri Asmaon itu dihantar ke pejabat Umno Bahagian, kelmarin.

Dengan penarikan diri Asmaon itu, anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Panti, Mohamad Ameran Sohiran yang juga penyandang jawatan Timbalan Ketua Bahagian menang tanpa bertanding.

Di SABAK BERNAM: Siti Aminah Jaafar menang tanpa bertanding untuk jawatan Ketua Wanita bahagian manakala naib ketua Wanita, Siti Rukiah Taib juga menang tanpa bertanding bagi jawatan itu.

Ketua Pemuda bahagian Tanjung Karang pula milik Selamat Dolah yang menang tanpa bertanding manakala jawatan naib ketua dimenangi Ishak Mat Arif.

Di BATU PAHAT: Naib ketua Umno bahagian Parit Sulong, Datuk Ruhanie Ahmad menarik diri daripada bertanding bagi jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian itu yang mengadakan mesyuarat perwakilan bahagiannya, hari ini.

Beliau berterima kasih kepada 30 cawangan yang mencalonkannya untuk

jawatan timbalan ketua bahagian dan 26 cawangan yang berani mencalonkan bagi jawatan ketua bahagian.

Di KOTA KINABALU: Mesyuarat pemilihan ketua bahagian Umno bagi bahagian Beluran yang sepatutnya diadakan semalam ditunda kerana seorang daripada calon yang ingin merebut jawatan itu meninggal dunia kerana serangan angin ahmar petang semalam.

Mardin Malayu, 43, meninggal dunia jam 4.45 petang semalam di Hospital Duchess of Kent, Sandakan selepas mengadu sakit dada.

Menurut adik Allahyarham yang enggan dikenali, jenazah abangnya selamat dikebumikan di tanah perkuburan Rancangan Sungai Manila.

Allahyarham sepatutnya bertanding mencabar penyandang kepada jawatan itu, iaitu Pembantu Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Surady Kayong.

(END)